

25 SEP 1998

Agong-Biografi/I (Bergambar)

AGONG LANCAR BUKU BIOGRAFI ADIK BAGINDA

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini melancarkan biografi adik lelaki baginda, Tunku Abdullah dalam satu majlis yang ringkas di Istana Negara di sini.

Ditulis oleh anak lelaki bongsu Tuanku Abdullah, Tunku Halim, biografi itu yang bertajuk "Tunku Abdullah - A Passion For Life" memuatkan kisah hidup Tuanku Abdullah yang berusia 73 tahun itu sebagai seorang putera raja, ahli politik dan ahli perniagaan.

Buku itu turut memuatkan beberapa peristiwa bersejarah di negara ini yang telah dilalui oleh Tuanku Abdullah iaitu semasa perang dunia kedua sehingga kepada kemerdekaan dan penubuhan Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kata-kata aluannya berkata: "Ia adalah cara yang baik untuk mengetahui sejarah menerusi kehidupan seseorang yang mengalaminya. Tuanku merasai warna warni kehidupan itu sepenuhnya."

Hasil daripada penjualan buku edisi terhad itu akan disumbangkan kepada Tabung Kebajikan Buah Pinggang MAA-Medicare manakala royalti yang diterima Tuanku Halim akan disumbangkan kepada Yayasan Sultanah Bahiyah.

Buku itu kini boleh didapati di semua kedai buku utama.

Pada majlis pelancaran yang turut dihadiri Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan Tunku Abdullah itu, penulisnya, Tunku Halim membacakan beberapa petikan daripada dua bab buku itu.

Selepas majlis pelancaran, Tuanku Ja'afar turut menyerahkan buku edisi terhad itu kepada dua pembeli iaitu Tan Sri Abu Zarim Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBF Loy Teik Ngan.

-- BERNAMA

NM RHM PR